



Kesan kejatuhan ringgit kepada pemborong

Kesan ekonomi yang dihadapi negara termasuk kejatuhan nilai mata wang negara kebelakangan ini berbanding negara lain, sedikit sebanyak memberi kesan kepada sektor perniagaan terutama pemborong.

Kenapa pemborong terjejas? Kerana merekalah yang berkepentingan dalam urusan import barang atau produk dari luar negara untuk diniagakan di dalam negara.

Pastinya produk yang mereka borong seperti aksesori kecantikan, alatan

elektronik, perkakas rumah, produk pendidikan, pakaian sehinggalah aksesori kereta di mana 80 peratus kebanyakan produk dalam negara adalah berasal daripada luar negara terutama China.

Oleh itu, memang akan terkesan kepada pemborong apabila nilai wang negara ini lebih rendah berbanding negara lain, di mana harga pembelian menjadi semakin mahal menyebabkan kuantiti belian berkurang serta permintaan juga semakin menurun kesan nilai wang itu.

Tambah terkesan kepada pemborong

yang mengimport produk dari negara Eropah dan Amerika Syarikat apabila beza nilai mata wang Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika Syarikat (AS\$) sangat jauh.

Akibatnya urusan import yang sering dilakukan sebelum ini dilihat semakin perlahan sejak nilai mata wang kita jatuh.

Biarpun perniagaan borong diketahui menggunakan modal yang rendah dan tidak banyak terkesan dengan masalah nilai mata wang, namun hakikatnya ada perniagaan yang gulung tikar sejak ekonomi bermasalah.

Namun di sebalik kerugian yang dialami, kejatuhan nilai mata wang juga ada memberi kesan positif kepada rakyat.

Buktinya, semakin keadaan ekonomi mencabar, semakin ramai rakyat terjun ke bidang perniagaan untuk mencari pendapatan sampingan bagi menampung perbelanjaan masing-masing.

Walaupun menghadapi masalah nilai mata wang tetapi perniagaan borong menjadi salah satu pilihan kepada rakyat untuk memulakan perniagaan yang masih menguntungkan.